



## **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

### **SIARAN MEDIA**

#### **'SUMBANGAN PERMULAAN RM100 RIBU TABUNG PRIHATIN YKN-JKM'**

**PUTRAJAYA, 17 Feb** – Sebagai permulaan RM100 ribu telah diperuntukkan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) untuk kegunaan Tabung Prihatin YKN-JKM yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan selaku Penggerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN dalam Majlis Pelancaran Prihatin YKN-JKM di Bangunan KPWKM, Putrajaya hari ini.

**Tabung Prihatin YKN-JKM** ini merupakan tabung khas bagi maksud ‘pemberian bantuan segera kepada golongan yang memerlukan’ yang diselaraskan oleh YKN. Penubuhan tabung ini adalah bertujuan untuk menyediakan saluran alternatif kepada pihak syarikat korporat, badan bukan kerajaan (*NGO*) dan orang perseorangan dalam menyalurkan sumbangan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan segera berdasarkan kategori bantuan yang dipertimbangkan seperti berikut:

- Bantuan serta-merta;
- Bantuan segera melalui aktiviti pendampingan social;
- Mangsa bencana kecil atau kes terpencil;
- Kes terdampar; dan
- Bantuan sekaligus

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan bekerjasama dgn YKN untuk mendapatkan dana sumbangan kepada tabung ini bagi kegunaan kumpulan sasar kedua-dua Agensi berkenaan. YKN dan JKM amat mengalu-alukan manapun pihak sama ada syarikat korporat, *NGO* dan orang perseorangan untuk bekerjasama dan menyumbang kepada Tabung Prihatin YKN-JKM yang juga boleh dibuat melalui **Aplikasi QR Pay Maybank2U** disamping saluran-saluran sedia ada seperti cek, perbankan internet dan sumbangan wang tunai.

**Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapat 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank YKNM seperti berikut:

<b>Nama Akaun</b>	<b>Yayasan Kebajikan Negara Malaysia</b>
<b>Bank</b>	<b>Maybank Islamic Bank Berhad</b>
<b>Nombor Akaun</b>	<b>568621017986</b>

Hadir sama YBhg. Dato' Junaidah Kamaruddin, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBrs. Encik Zulkifli Ismail, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Ahli Majlis Pengurusan Tertinggi KPWKM, Ahli Majlis Pengurusan Tertinggi JKM dan YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif YKN.

Disediakan oleh : Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,  
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya.  
No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420  
Tarikh dikeluarkan : 17 Februari 2020